




**ZULFAQAR Journal of
Defence Management, Social Science & Humanities**

Journal homepage: zulfaqar.upnm.edu.my



**PEMBENTUKAN KEPIMPINAN PELAJAR MENERUSI PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI DI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

**FORMATION OF STUDENT LEADERSHIP THROUGH THE COMMUNITY SERVICE PROGRAMME
AT THE NATIONAL DEFENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA**

**Amnah Saayah Ismail^{a,*}, Nor Nazimi Mohd Mustaffa^a, Aida Nasirah Abdullah^a, Nur Surayya Mohd
Saudi^a, Nurhana Mohd Rafiuddin^a**

^a National Defence University of Malaysia

*Corresponding author: amnah@upnm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received

16-07-2020

Received in revised

02-08-2020

Accepted

30-10-2020

Available online

12-11-2020

Keywords:

Khidmat Komuniti,
Kemasyarakatan,
Pelajar Universiti,
Pengajaran dan
Pembelajaran

e-ISSN: 2773-529X

Type: Article

ABSTRAK

Khidmat komuniti bermaksud berkhidmat atau membantu masyarakat sekeliling yang memerlukan bantuan mahupun tunjuk ajar untuk mengurangkan beban mereka. Di Malaysia, peranan mendekati komuniti ini telah dimainkan oleh pelbagai pihak antaranya pihak kerajaan, swasta mahu pun orang perseorangan. Aktiviti ini memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada pemegang taruh namun masyarakat juga turut terkesan selain individu yang terlibat itu sendiri. Pembudayaan khidmat komuniti turut sama mendapat tempat dalam kalangan warga universiti sama ada kakitangan mahupun para pelajar. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia tidak terkecuali mengambil inspirasi dari semua pihak di luar sana untuk terlibat sama dalam memberi khidmat kepada komuniti di sekitarnya. Objektif kajian ialah mengenal pasti elemen-elemen yang boleh dibangunkan dalam usaha membentuk kepimpinan pelajar menerusi program khidmat komuniti selain meneliti masalah dan cabaran dalam membudayakan khidmat komuniti. Kaedah Penyelidikan yang digunakan dalam penulisan ini ialah berbentuk kualitatif iaitu analisis kandungan dengan menggunakan data-data primer dan sekunder. Dapatan Kajian mendapati bahawa terdapat banyak elemen-elemen program yang boleh dijalankan dalam membudayakan khidmat komuniti di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Program ini dilihat dapat membentuk daya kepimpinan dan kerjasama dalam kalangan pelajar untuk terus mendekati komuniti sekeliling mereka menerusi program-program yang dirangka.

ABSTRACT

Community service means serving or helping the surrounding community in need or guidance to reduce their burden. In Malaysia, the role of this community has been played by many parties, including government, private and individual. This activity has a profound effect not only on the stakeholders but also the community as well as the individuals involved. Community service culture also has a place among university students and staff alike. The National Defense University of Malaysia is no exception to the inspiration of all parties out there to be involved in serving the community around it. The objective of the study was to identify the elements that can be developed in an effort to build student leadership through community service programs as well as to explore the challenges and challenges of community service culture. The research method used in this paper is qualitative form of content analysis using primary and secondary data. The findings of the study show that there

are many elements of program that can be implemented in community service culture at the National Defense University of Malaysia. This program is seen to form leadership and cooperation among students to continue to reach out to the community around them through planned programs.

© 2020 UPNM Press. All rights reserved.

1.0 Pengenalan

Khidmat komuniti merupakan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak dan juga dikenali sebagai khidmat masyarakat atau *Corporate Social Responsibility*. Khidmat komuniti bermaksud berkhidmat atau membantu masyarakat sekeliling yang memerlukan bantuan mahupun tunjuk ajar untuk mengurangkan beban mereka. Dengan lain kata, khidmat masyarakat ialah kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan secara berkumpulan dan mempunyai matlamat serta tujuan tertentu (Taylor 2007). Di Malaysia, peranan mendekati komuniti ini telah dimainkan oleh pelbagai pihak antaranya pihak kerajaan, swasta mahu pun orang perseorangan. Aktiviti ini memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada pemegang taruh namun masyarakat juga turut terkesan selain individu yang terlibat itu sendiri. Khidmat komuniti mampu membina ikatan yang kuat bukan sahaja sesama manusia juga dengan alam sekitar. Islam merupakan sebuah agama yang sentiasa menggalakkan manusia untuk sentiasa membuat hubungan baik antara satu sama lain. *Hablun Minallah Wahablun Minnas* merupakan kata kunci yang mesti dipegang sepanjang masa untuk mengekalkan kesejahteraan hidup bersama.

Pembudayaan khidmat komuniti turut sama mendapat tempat dalam kalangan warga universiti sama ada kakitangan mahupun para pelajar. Kerja-kerja kemasyarakatan sekiranya dilaksanakan dengan sempurna sudah pasti akan menghasilkan sesuatu hasil atau pun output yang berguna. Bagi universiti, khidmat komuniti adalah suatu aktiviti yang amat penting untuk memupuk perasaan muhibah antara para pelajar dan pensyarah serta komuniti. Bukan itu sahaja, malahan dengan perancangan khidmat komuniti yang sempurna khususnya dalam memberikan khidmat serta komitmen kepada masyarakat, ia akan dapat memberikan impak kepada sesebuah universiti itu sendiri.

Di institusi pengajian tinggi, khidmat masyarakat merupakan salah satu kursus kokurikulum ber kredit yang terdapat di universiti. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada pelajar mengenai ilmu kemasyarakatan, institusi masyarakat, peranan mahasiswa/siswi dan universiti. Pelajar didedahkan kepada program khidmat masyarakat dan sukarelawan, kemahiran psikologi bagi mendekati masyarakat dari aspek budaya, nilai dan norma masyarakat. Kemahiran yang didapati melalui aktiviti khidmat masyarakat merupakan satu kredit kepada mahasiswa dalam mempromosikan diri mereka apabila bergelar graduan.

Jelas kelihatan bahawa khidmat masyarakat atau sukarelawan semakin meningkat di institusi pembelajaran di Malaysia. Di peringkat sekolah, aktiviti sukarelawan menjadi program ko-kurikulum yang berbeza-beza mengikut tawaran yang dibuat oleh sekolah dan ia dijalankan hanya selepas sesi persekolahan. Di institusi pengajian tinggi, ia merupakan tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni untuk merancang, melaksanakan dan menjalankan aktiviti sukarela bagi pelajar. Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia (Hussein Mohamed 1986), institusi pengajian tinggi perlu memberi kredit untuk aktiviti sukarela sebagai galakan kepada para pelajar untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum. Di Malaysia, khidmat masyarakat atau sukarelawan merupakan salah satu teras aktiviti kokurikulum Pelan Strategik Pengajian Tinggi Antarabangsa 2006-2010 (Alias 2016).

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia tidak terkecuali mengambil inspirasi dari semua pihak di luar sana untuk terlibat sama dalam memberi khidmat kepada komuniti di sekitarnya. Penawaran kursus Khidmat Komuniti sebagai salah satu kursus Mata Pelajaran Umum hasil gagasan pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang mengkategorikan kursus ini di bawah U4 (Umum 4) telah menyemarakkan pelbagai program khidmat komuniti diatur dengan lebih baik. Manakala pihak Hal Ehwal Pelajar UPNM telah menjadi sebuah badan yang memberi kerjasama padu dalam penyaluran dana asas kepada para pelajar untuk menggerakkan setiap program yang dirancang. Justeru penulisan ini akan mengenalpasti elemen-elemen yang boleh dibangunkan dalam usaha membentuk kepimpinan pelajar menerusi program khidmat komuniti selain meneliti masalah dan cabaran dalam membudayakan khidmat komuniti di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

2.0 Kajian Literatur

Khidmat masyarakat merupakan kerja-kerja sukarelawan yakni satu aktiviti yang merupakan sebahagian daripada pendidikan sivik dan moral di kalangan pelajar di Malaysia (Azizan Bahari, 2003). Aktiviti ini telah merebak dalam dekad ini dan telah menjadi keperluan dan kewajipan untuk memelihara perubahan moral dan tingkah laku pelajar. Aktiviti sukarelawan pelajar menjadi elemen penting bagi kerajaan sebagai modal sosial dalam masyarakat (Haski 2008). Walau bagaimanapun, di universiti, para pelajar sentiasa menghadapi masalah dan kesukaran untuk merancang program khidmat masyarakat atau aktiviti sukarela dengan berkesan disebabkan sumber kewangan terhad, kekangan dari segi masa dan juga kurang sokongan (Evans 2005). Selain itu, aktiviti sukarela juga mempunyai konotasi negatif untuk sesetengah pelajar dan juga masyarakat yang mengandaikan bahawa pelajar sebenarnya membuang masa mereka dan tidak ada faedah bagi mereka (Davis 1999). Persepsi atau andaian negatif sebegini perlu diubah kerana penyelidikan menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam khidmat masyarakat atau sukarelawan boleh membentuk kehidupan peribadi sosial mereka secara positif (Hooghe 2003).

Walaupun bilangan penglibatan universiti dalam aktiviti sukarela telah meningkat, tiada penyelidikan telah dijalankan di Malaysia untuk mengenali dan mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan semangat terhadap kesukarelawanan dalam kalangan mereka. Menurut Berry dan Chisholm (1999) penemuan penyelidikan mengenai keberkesanan program khidmat masyarakat dan penglibatan pelajar universiti dalam aktiviti sukarela dapat membantu pihak berkuasa untuk merancang dan menjalankan program khidmat masyarakat yang lebih baik. Selain itu, penemuan penyelidikan juga dapat membantu penganjur dalam menentukan tahap pengetahuan dan jenis aktiviti khidmat masyarakat yang sesuai untuk universiti (Taylor 2007). Dapatan penyelidikan juga mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam khidmat masyarakat telah meningkatkan kemahiran dalam tingkah laku pro-sosial para pelajar, terutamanya dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah sosial (Eley 2003).

Aktiviti khidmat masyarakat dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi boleh ditakrifkan berdasarkan kepada usaha bersepadu dalam menguruskan program sukarela tersebut. Secara umum, terdapat dua jenis program sukarela, yang merupakan program dalaman yang dianjurkan oleh universiti dan program luar yang memenuhi keperluan masyarakat untuk masa yang tidak ditentukan tempohnya. Program dalaman universiti adalah kerjasama antara universiti dan pelajar seperti persatuan dan kelab dalam merancang dan menjalankan aktiviti kesukarelawanan mengikut objektif dan matlamat universiti. Kebanyakan universiti mempunyai modus operandi sendiri. Bagi program luaran pula, jenis aktiviti adalah lebih luas tanpa yang memerlukan pelbagai sokongan sukarelawan sendiri serta juga sokongan masyarakat yang menjadi tumpuan khidmat masyarakat tersebut. Di Malaysia, program khidmat masyarakat dan aktiviti di institusi pengajian tinggi mula dianjurkan pada tahun 1970-an lagi (Hussein 1986). Banyak program, terutamanya perkhidmatan sosial, telah dijalankan di luar kampus untuk pelajar bercampur dengan masyarakat.

Pembangunan aktiviti sukarela dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi boleh dilihat dari peningkatan program sukarelawan, terutamanya perkhidmatan masyarakat. Untuk pastikan bahawa aktiviti sukarela disediakan dengan lancar dan dilaksanakan secara profesional, Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) di Malaysia 2007. MASKUM bertindak sebagai perancang, pembantu dan motivator kepada pelajar-pelajar universiti untuk mencapai aktiviti sukarelawan dan juga membantu mereka untuk menjadi warganegara yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

Di Malaysia, beberapa kajian telah dilakukan berkaitan dengan pelajar universiti dalam khidmat masyarakat. Azizi dalam (Evans 2005) melaporkan sejauh mana budaya kesukarelawanan dapat dipupuk melalui penglibatan dalam persatuan di kalangan belia berusia 12 hingga 21 tahun. Satu lagi penyelidikan di bawah naungan Jabatan Perpaduan Negara melaporkan tentang tahap kesukarelawanan dalam kalangan rakyat Malaysia pada tahun 2005. Kajian mengenai komitmen para belia terhadap sukarelawan pekerja pula telah dilakukan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (Chek Mat 2005). Satu kajian lagi telah dilakukan oleh Adi (2007) yang menunjukkan penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti sukarela. Kajian ini menunjukkan potensi remaja dalam kerja sukarela perlu digerakkan dalam membantu masyarakat selain turut sama membentuk nilai kepimpinan dalam diri mereka. Kajian itu juga menunjukkan bahawa aktiviti sukarela adalah nilai sejagat kerana penglibatan yang sebenar dalam aktiviti sukarela sangat berbeza di antara negara dan latar belakang agama serta budaya yang berbeza.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberi penekanan kepada analisis kandungan. Pemilihan kaedah ini berikutan kajian ini tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik dan penemuan yang dihasilkan juga tidak melalui prosedur statistik atau cara kaedah kuantiti yang lain. Bagi menganalisis pembentukan kepimpinan pelajar menerusi program khidmat komuniti di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, kajian ini memilih analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Ia berdasarkan kepada keperluan kajian untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan melalui bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Pengkajian cara ini menuntut pengkaji mencari bahan-bahan rujukan di perpustakaan bagi mengumpul data dengan bantuan buku-buku, majalah, jurnal, artikel, naskhah, catatan, dokumen, kertas kerja dan bahan-bahan bertulis yang lain. Segala maklumat yang diperoleh digunakan terutamanya untuk menguatkan perbincangan, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji supaya kefahaman terhadap tajuk kajian dapat dikuasai.

4.0 Pembentukan Kepimpinan Pelajar menerusi Khidmat Komuniti di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Kursus Khidmat Komuniti MPU 3422 merupakan sebuah kursus yang ditawarkan sebagai memenuhi kehendak Kementerian Pengajian Tinggi bagi pelaksanaan kursus Mata Pelajaran Umum (MPU). Kursus ini diletakkan di bawah kelompok U4 dan dibangunkan oleh Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan dan Ketamadunan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Kursus ini baru sahaja diperkenalkan namun telah berjaya dilaksanakan pada empat semester termasuk semester semasa.

Umumnya, kelompok U4 adalah kursus-kursus yang wajib diambil dan lulus oleh semua pelajar warganegara dan bukan warganegara. Objektif umum penawaran kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berupaya mengaplikasikan kemahiran insaniah. Aplikasi kemahiran insaniah tersebut adalah (1) komunikasi yang berkesan; (2) Kemahiran pemikiran kritikal; (3) kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan; dan (4) kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat. Pelaksanaan empat kemahiran insaniah ini akan diaplikasikan melalui aktiviti, projek, kerjasama berpasukan dan berkepemimpinan serta memberi perkhidmatan sukarela secara berkumpulan. Para pelajar perlu melaksanakan kesemua kemahiran insaniah tersebut secara praktikal bagi mengukuh dan memantapkan elemen-elemen kemahiran insaniah tersebut dalam diri mereka. Kemahiran insaniah yang diperkenalkan ini dilihat akan membentuk jatidiri para pelajar yang lebih berketerampilan, berkarisma dan berkarakter kepimpinan, prihatin terhadap isu-isu yang berlaku dan mengambil berat tentang keperluan dalam masyarakat. Ia juga selaras dengan motto terkini Kementerian Pelajaran Malaysia yang melaungkan slogan Sekolah untuk Komuniti, Universiti untuk Masyarakat.

Penawaran kursus Khidmat Komuniti ini merupakan pembelajaran berasaskan pembentukan kumpulan, pembentangan kertas cadangan, pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah, pengalaman dan khidmat. Para pelajar kemudiannya akan dinilai menerusi penulisan kertas cadangan program, pelaksanaan program, pembentangan video, poster dan laporan bertulis. Hasil pembelajaran Kursus Khidmat Komuniti ini membolehkan pelajar menghasilkan kertas cadangan projek khidmat komuniti yang berimpak sosial, mempamerkan kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan dan mempamerkan tanggungjawab sosial dalam pelaksanaan projek.

Program-Program Khidmat Komuniti

Semua jenis aktiviti atau program boleh dijadikan projek untuk kursus khidmat komuniti, namun aktiviti tersebut mesti mengandungi unsur-unsur pengaplikasian kemahiran insaniah yang boleh dinilai oleh pensyarah. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti Membantu anak yatim di rumah dan pusat jagaan anak yatim, Membantu warga tua di rumah jagaan, program kesedaran bersama gelandangan, Program keluarga angkat bersama orang asli dan banyak lagi.

Di UPNM, sehingga 2020, terdapat banyak program yang sudah berjaya dilaksanakan oleh pelajar menerusi kursus Khidmat Komuniti ini. Kursus ini menjadi tarikan utama pelajar untuk terlibat sama dengan pihak komuniti bukan sekadar atas keperluan wajib lulus itu sahaja, namun atas rasa tanggung jawab kepada seluruh komuniti di luar sana. Antara program yang sudah Berjaya dilaksanakan ialah Program Ihya' Ramadhan; Memberi Bubur Lambuk kepada Pelajar UPNM, Lawatan Ehsan Ke Hospital Serdang, Menyantuni Pekerja Pembersihan di UPNM, Gotong-royong di Air Terjun Sungai Gabai Hulu

Langat, Easy The Breakfast dan lain-lain lagi. Program ini dikendalikan keseluruhannya oleh para pelajar dan dibantu selia oleh pensyarah kursus dan penyelia kumpulan masing-masing.

Elemen-elemen Pembangunan Kepimpinan Pelajar Menerusi Program Khidmat Komuniti

Setiap projek khidmat komuniti perlulah dirancang serta dilaksanakan berasaskan keperluan dan matlamat yang jelas. Hanya dengan perancangan yang baik serta rapi sahaja setiap projek yang dilaksanakan akan dapat menghasilkan output yang berguna. Untuk itu setiap perancangan dalam pelaksanaan projek khidmat komuniti sama ada yang besar atau kecil perlulah mengambil kira beberapa elemen penting iaitu perancangan, pelaksanaan atau aktiviti, refleksi, laporan dan penghargaan.

Perancangan

Perancangan amat penting. Hanya dengan perancangan yang baik serta sempurna sesuatu projek khidmat masyarakat akan dapat berjalan dengan sempurna serta mencapai tujuan yang diharapkan. Analisis keperluan, perancangan secara bersistematik dan anggaran belanjawan yang tepat dan berwibawa perlu diambil kira oleh individu atau kumpulan yang hendak melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat. Antara perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam perancangan ialah: (a) Mengenal pasti dan memilih tajuk atau projek khidmat masyarakat yang akan dilaksanakan. (b) Mengenal pasti matlamat, tujuan, dan objektif yang jelas agar tidak berlaku pembaziran dari segi tenaga, wang ringgit dan masa. (c) Mengenal pasti sumber-sumber lain yang boleh membantu pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat yang akan dilaksanakan. (d) Mengenal pasti pihak-pihak lain yang boleh memberikan sumbangan pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat. Mengatur dan memperincikan pelaksanaan mesyuarat ahli jawatankuasa yang terlibat. (f) Menyediakan senarai semak tugas dan peralatan serta sokongan lain yang perlu untuk melicinkan perjalanan aktiviti khidmat masyarakat. (g) Menyenaraikan dan membuat pembahagian tugas mengikut kemahiran serta kebolehan individu yang turut serta dalam khidmat masyarakat. (h) Menentukan cara pengumpulan maklumat dan pendokumentasian sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan. (i) Menentukan cara merekodkan pelaksanaan projek khidmat masyarakat bagi tujuan pelaporan dan pendokumentasian. (j) Menentukan sumber kewangan bagi pelaksanaan projek. (k) Lain-lain perancangan yang akan memastikan setiap aktiviti khidmat masyarakat dapat dijalankan secara berhemah, berdisiplin dan mencapai matlamat serta objektif yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan atau Aktiviti

Kejayaan pelaksanaan sesuatu aktiviti khidmat komuniti banyak bergantung kepada kerjasama dan kesepakatan antara setiap ahli yang terlibat. Walaupun perancangan yang dibuat amat baik serta teliti, sekiranya ia tidak diaplikasikan dengan betul maka banyak masalah yang akan timbul. Oleh itu, setiap ahli dalam kumpulan perlulah memastikan aktiviti atau pelaksanaan khidmat masyarakat yang akan dijalankan kelak adalah aktiviti bersama dan perlu dijalankan secara satu kumpulan. Berikut dinyatakan antara perkara penting dalam pelaksanaan aktiviti. (a) Memastikan bahawa projek yang dilaksanakan adalah berdasarkan perancangan serta kemampuan yang telah dirancang pada peringkat awal. (b) Seelok-eloknya diadakan taklimat ringkas atau pemakluman kepada semua ahli tentang tugas, peranan dan matlamat aktiviti khidmat masyarakat yang dijalankan. (c) Melaksanakan aktiviti secara *co-current* dan setiap ahli perlulah patuh pada penjadualan tugas yang telah diagihkan semasa perancangan. (d) Merekodkan setiap kerja khidmat masyarakat untuk dijadikan bahan dokumentasi ataupun bukti. (e) Segera mengambil tindakan penyelesaian masalah sekiranya berlaku sesuatu di luar jangkaan dan perancangan. (f) Pengurusan masa dan susun atur serta penjadualan yang sempurna tentang setiap aktiviti perlulah difahami oleh setiap ahli.

Refleksi

Refleksi atau renung kembali adalah suatu proses yang amat penting untuk memastikan bahawa setiap apa yang telah kita lakukan telah mencapai objektif atau matlamat yang ditetapkan. Dalam konteks ini, kebiasaannya istilah yang digunakan ialah postmortem. Setiap ahli yang telah melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat boleh diajak secara bersama meneliti serta membuat refleksi tentang apa yang telah dilakukan. Ia adalah penting sebagai kayu ukur untuk melaksanakan sesuatu projek khidmat masyarakat pada masa akan datang. Antara perkara penting dalam refleksi ialah: (a) Menilai secara terperinci setiap aktiviti yang telah dijalankan daripada mula hinggalah ke akhir sesuatu projek. (b) Meneliti perkara-perkara yang difikirkan baik dan boleh dijadikan sebagai pedoman serta perkara-perkara buruk yang perlu diperbaiki untuk aktiviti atau projek pada masa akan datang (c) Menyusun dan menyemak dokumen

serta catatan yang telah dibuat semasa pelaksanaan aktiviti. (d) Meneliti serta menilai kembali kewibawaan dan keupayaan setiap ahli semasa menjalankan projek. (e) Menulis jurnal refleksi peribadi. (f) Lain-lain perkara yang boleh membantu ke arah pencapaian serta pelaksanaan projek yang lebih sempurna dan cemerlang pada masa akan datang.

Pelaporan

Pelaporan ialah suatu bentuk penulisan secara formal untuk dijadikan bahan bukti tentang sesuatu pelaksanaan aktiviti yang telah dijalankan. Laporan amat penting untuk dijadikan panduan kepada orang lain bagi tujuan yang sama melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat. Di dalam laporan akan dinyatakan perkara-perkara berkaitan dengan kewangan, aktiviti, masa, mereka yang terlibat, pencapaian dan cadangan atau komen untuk dikongsi kepada mereka atau kumpulan lain untuk melaksanakan projek khidmat masyarakat pada masa akan datang. Berikut dinyatakan format laporan: (a) Tema; (b) Nama projek; (c) Tarikh / tempoh pelaksanaan projek; (d) Ahli kumpulan projek; (e) Sumber personel lain yang terlibat; (f) Organisasi yang terlibat; (g) Matlamat dan objektif projek; (h) Pelaksanaan projek; (i) Perancangan; (ii) Pelaksanaan aktiviti; (iii) Refleksi; (i) Cadangan / komen; dan (j) Penghargaan.

Penghargaan

Penghargaan adalah suatu bentuk rasa ucapan terima kasih kepada mereka yang telah bersama-sama menayakan projek yang dijalankan. Surat penghargaan dan terima kasih perlu disediakan dan dikirimkan kepada mereka yang terlibat. Selain itu, penghargaan juga boleh disampaikan melalui pemberian sijil penghargaan.

Implikasi khidmat komuniti kepada pelajar dan UPNM

Aktiviti khidmat komuniti akan dapat memberikan input positif kepada perkembangan diri setiap individu. Banyak kebaikan yang akan diperolehi daripada pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat. Di antaranya ialah: (a) Aktiviti khidmat masyarakat yang dijalankan secara bersama akan mewujudkan rasa persefahaman dan pengukuhan jati diri di dalam sesuatu kumpulan. (b) Aktiviti yang dirancang dengan baik akan memberikan impak kesihatan diri dari segi fizikal dan rohani. (c) Aktiviti yang dilaksanakan secara bersama dalam sebuah komuniti berbilang kaum akan memberikan impak toleransi dan ikatan perpaduan yang lebih utuh. (d) Mewujudkan rasa bertimbang rasa dan menyayangi orang lain khususnya yang kurang upaya serta warga tua. (e) Aktiiviti khidmat masyarakat dalam bentuk gotong royong akan mengurangkan kos pelaksanaan. (f) Mewujudkan rasa kejiranan dan persefahaman yang lebih dalam kalangan masyarakat di sesuatu kawasan kejiranan. (g) Melahirkan warganegara yang berjiwa besar, patriotik dan sayang akan negara, di mana tempat tumpah darah mereka.

5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, khidmat komuniti yang dilaksanakan di UPNM dapat membentuk nilai kepimpinan dalam kalangan pelajarannya. Nilai kebersamaan menerusi kemahiran insaniah yang dipupuk sepanjang persiapan dan pelaksanaan program berlangsung membolehkan pelajar menjadi sentiasa cakna dengan keadaan sekeliling. Meskipun program yang dirancang adalah menerusi kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti, namun keadaan ini memerlukan pelajar berdikari melakar dan merangka program yang dirancang bersama ahli pasukan. Keadaan ini membolehkan setiap pelajar menjadikan diri mereka berdaya saing dan berkepimpinan. Pelbagai proses dari awal perancangan program seperti penyediaan kertas cadangan sehingga pelaksanaan program tertentu diteruskan dengan kerjasama terpinpin sehingga para pelajar membentang video, poster dan membuat laporan. Rangkuman tugas ini sekaligus menjadikan pelajar sentiasa peka, bekerjasama dan bertoleransi antara satu sama lain sehingga mampu menjadikan mereka pemimpin kepada diri dan ahli kumpulan masing-masing.

Rujukan

- Adi, F., Mohamad Azhar, M. N., & Rainy, S. (2007). Sikap belia terhadap kesukarelawanan: pengaruh faktor jantina, pegangan nilai agama, tingkatan pengajian dan persepsi penglibatan belia. Retrieved from <http://adifahrudin.files.wordpress.com/2009/12/kesukarelawan-belia.pdf>
- Azhar, A. and Pereira, J. "Volunteerism sorely lacking in Malaysia" *freemalaysiatoday*. December 5, 2012: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/12/05/volunteerism-sorely-lacking-in-malaysia/>
- Alias, A., & Balakrishnan, V. (2016). Impak Kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur: Satu kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Azizan, B. (ed.) (2003, 2004). *Generasi muda menangani cabaran*. Alor Star: Yayasan Dr. Rodzi.
- Berry, H. A., & Chisholm, L. A. (1999). *Service learning in higher education around the world: An initial look*. New York: International Partnership for Service-Learning.
- Chek Mat, K. I., & Khairil, A. (2005). Komitmen belia terhadap kerja kesukarelaan: Satu kajian gerakan belia 4B Negeri Sembilan. Paper presented at 2005 Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Bangi.
- Davis, S. J. (1999). Poor marketing or the decline of altruism: Young people and volunteering in the United Kingdom. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 4(4), p. 372-377.
- Eley, D. (2003). Perceptions of and reflections on volunteering: The impact of community service on citizenships in students. *Voluntary Action*, 5(3), p. 27-46.
- Evans, E., & Saxton, J. (2005). *The 21st century volunteer*. London: NpfSynergy.
- Handy, F., Hustinx, L., Kang, C., Cnaan, R. A., Brudney, J., Haski-Leventhal. (2010). A cross-cultural examination of student volunteering: Is it all about resume building? *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 39(3), 498-523.
- Haski-Leventhal, D., Cnaan, R., Handy, F., Brudney, J. L., Holmes, K., Hustinx, L. (2008). Students' vocational choices and voluntary action: A 12 nation study. *Voluntas*, 19(1), 1-21.
- Hooghe, M., & Stolle, D. (2003). Age matters: Lifestyle and cohort differences in the socialisation effect of voluntary participation. *European Political Science*, 3(2), p. 9-56.
- Hussein, M. (1986). *Gerakan Belia di Malaysia*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Janoski, T., Musick, M., & Wilson, J. (1998). Being volunteered? The impact of social participation and pro-social attitudes on volunteering. *Sociological Forum*, 13(3), p. 495-518.
- Kosmo, 27 Julai 2010. Beri jam kredit bagi aktiviti sukarela IPT.
- Taylor, T. P., & Pancer, S. (2007). Community service experiences and commitment to volunteering. *Journal of Applied Social Psychology*, 37(2), p. 320-345.